

10 SEP 1998

Anwar-Lesu (Fokus berita)

MINAT PADA ISU ANWAR MUNGKIN LESU DENGAN BERMULANYA SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Selama lapan hari yang lepas, perhatian seluruh negara tertumpu kepada isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Reaksi awal membayangkan rasa terkejut atau tidak percaya.

Tetapi apabila gambaran yang semakin nyata diperolehi ekoran penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain, semakin banyak kedengaran suara yang bersetuju dengan tindakan Perdana Menteri itu.

"Saya terpaksa memecatnya kerana alasan moral," kata Dr Mahathir kepada 3,500 pemimpin Umno peringkat akar umbi pada hari Selasa lepas.

"Polis telah menjalankan penyiasatan mereka. Saya menjalankan penyiasatan saya sendiri dan buktinya meyakinkan saya," kata Perdana Menteri, yang menolak penegasan Anwar bahawa pemecatannya didorong oleh alasan politik.

Dalam pada itu Anwar pula sibuk dengan ceramah kepada para penyokong di luar rumahnya untuk menegaskan kebenarannya. Bagaimanapun akhir-akhir ini ucapannya lebih tertumpu kepada seruan diadakan gerakan reformasi, tidak sangat kepada usaha menyangkal tuduhan-tuduhan terhadapnya, yang termasuk perbuatan sumbang dan membocorkan rahsia negara.

Ketika Anwar nampaknya semakin kehabisan modal baru untuk diperkatakan, tanda-tanda menunjukkan minat di kalangan orang ramai terhadap perkara itu akan menjadi semakin lesu, menurut beberapa pemerhati.

Perhatian umum kini beralih kepada acara yang lebih menarik minat dan menggembirakan mereka -- Sukan Komanwel ke-16 yang akan bermula di sini esok.

Seorang ahli perniagaan berkata, memandangkan suasana muram yang menyelubungi ekonomi negara dalam tempoh setahun lepas, acara sukan itu merupakan sesuatu yang amat ditunggu-tunggu.

"Anwar sudahpun memecat manakala Dr Mahathir baru menapak untuk mengatur langkahnya. Saya tidak akan terkejut jika Anwar akan kehabisan tenaga terlebih dahulu," kata seorang ahli politik pula.

Anwar kini masih bebas walaupun beliau berulang-kali berkata bahawa beliau menjangka akan ditangkap, mungkin mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pergerakannya tidak disekat tetapi setakat ini beliau hanya berada di rumahnya di Bukit Damansara, membuat kenyataan-kenyataan yang seolah-olah mencabar pihak berkuasa supaya menangkapnya.

Berduyun-duyun orang datang ke rumah Anwar setiap malam untuk mendengar ceramahnya.

"Saya datang untuk melihat apa yang berlaku... oh tidak, saya bukan penyokong (Anwar)," kata seorang kerani bank berumur 30 tahun, antara mereka yang berkumpul di rumah no. 8 Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara itu.

Perhimpunan yang diadakan setiap malam sejak pemecatannya itu nampaknya diatur dengan baik, dengan penyebaran risalah di seluruh bandar raya ini menjemput orang ramai ke majlis "rumah terbuka."

Penyokong kuat Anwar terus-menerus berkampung di rumahnya. Antara penyokong setianya ialah dari Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), pertubuhan yang pernah dipimpinnya itu. Penyokong lain termasuk daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan kalangan pelajar.

Pemimpin pembangkang termasuk Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang, yang kerap menyerang Anwar di Parlimen, turut mengunjungi beliau dan menyatakan

sokongannya kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Anwar mungkin mendapat sokongan daripada pembangkang dan NGO kepada apa yang dinamakan "Gerakan Reformasi" tetapi yang jelasnya, beliau gagal mendapat sokongan dari dalam Umno dan parti-parti Barisan Nasional.

Satu tamparan hebat terhadapnya berlaku Selasa lepas apabila 21 daripada 25 anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno menolak gerakan reformasi itu.

Setelah dua kali menagguhkan rancangannya untuk menjelajah ke seluruh negara bagi melancarkan gerakan itu, Anwar meneruskan seruannya dengan pekikan "Reformasi" daripada rakaman ucapan beliau yang bergema dari pembesar suara di rumahnya.

Wartawan tempatan dan luar negara juga telah berkampung di rumah Anwar, bukan sangat untuk membuat liputan ucapannya yang kini sudah berupa ulangan, tetapi untuk berada di situ sekiranya beliau ditangkap.

Media asing, yang sebelum inipun sudah menikmati akses terhadap Anwar sebelum pemecatannya, kini memperolehi peluang yang seluas-luasnya untuk menemuramah bekas TPM itu.

CNBC, The Age, Reuters, AFP, Time -- Anwar memberi temuramah dengan semuanya.

Bagi media tempatan, Anwar telah mengkritik mereka kerana dikatakan tidak adil terhadapnya, walaupun kebanyakan akhbar menyiarkan gambar dan laporan mengenai ceramah-ceramah dan kenyataannya.

Sambil hari demi hari berlalu, soalan yang mungkin masih bermain di kepala banyak orang ialah: adakah dia melakukan atau tidak?

"Saya tidak percaya Dr Mahathir mengaiayai Anwar untuk melenyapkan cabaran terhadap kepimpinannya. Lagipun, dialah yang membawa Anwar ke dalam kerajaan dan mendidiknya untuk menjadi penggantinya," kata seorang kakitangan kerajaan.

"Dr Mahathir pasti mempunyai bukti yang kukuh untuk mengambil tindakan ini," kata seorang pemandu.

Seorang penyokong Anwar pula berkata beliau yakin tuduhan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu adalah diada-adakan dan sebahagian daripada konspirasi untuk menghalangnya daripada menjadi Perdana Menteri.

"Saya tidak percaya sama-sekali Anwar melakukan seperti apa yang dituduh itu," kata penyokongnya itu.

Seorang pegawai eksekutif syarikat yang berkata beliau masih belum pasti sama ada untuk mempercayai tuduhan itu atau sebaliknya, mengulas begini:

"Anwar telah menafikan semua itu. Tetapi Presiden Clinton juga menafikan segalanya, hanya untuk mengaku tujuh bulan kemudian bahawa beliau telah melakukan hubungan seks dengan Monica Lewinsky."

-- BERNAMA

tm sj nmo